

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 16/10/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 39

Tajuk : Sektor koperasi mohon dana laksana program

# Sektor koperasi mohon dana laksana program

**Angkatan** Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) berharap kerajaan dapat memberi peruntukan sebanyak RM300 juta kepada sektor koperasi negara pada pembentangan Bajet 2019 pada 2 November ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata peruntukan itu bakal digunakan bagi melaksanakan program dan aktiviti yang akan meningkatkan nilai jualan dan perdagangan sektor koperasi di negara ini.

"Kami harap peruntukan dapat diserahkan terus kepada Angkasa untuk diuruskan kerana sebelum ini kerajaan memberi peruntukan RM100 juta kepada dua pihak iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Koperasi Jaya Diri (Kojadi).

"Untuk kali ini, kami harap peruntukan RM300 juta dapat diserahkan terus kepada kami untuk

diuruskan dan diagihkan kepada ahli," katanya pada majlis memeterai perjanjian persefahaman antara Virtualflex Sdn Bhd (Virtualflex) dan Asean Co-Operative Organization (ACO) di Petaling Jaya, semalam.

Yang hadir sama Pengerusi Virtualflex, Jamaludin Md Ali dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Norsiah Juri-ani Johari.

Virtualflex adalah anak syarikat milik penuh Johor Corporation (JCorp) yang fokus kepada perniagaan sistem pembayaran atas talian manakala, ACO adalah gabungan koperasi ASEAN, dengan Malaysia diwakili Angkasa.

## Bantu capai sasaran

Abdul Fattah yang juga Presiden ACO berkata, jumlah peruntukan itu dilihat amat penting dalam membantu Angkasa untuk mencapai sasaran sumbangan jumlah

perolehan sektor koperasi sebanyak RM50 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020. Menurutnya, sektor koperasi setakat tahun lalu menyumbang sebanyak RM40 bilion kepada KDNK dan Angkasa perlu meningkatkan jumlah perolehan kepada RM10 bilion lagi dalam tempoh dua tahun akan datang untuk mencapai sasaran terbabit.

"Oleh itu, kami perlu menyediakan kemudahan pembiayaan lebih tinggi dan jika jumlah atau modal pusingan ini dapat diperolehi, maka saya yakin sasaran RM50 bilion atau lebih mampu dicapai berbanding melalui bantuan modal RM100 juta sahaja," katanya.

## Kerjasama Virtualflex, ACO

Pada majlis semalam, JCorp melalui Virtualflex menjalinkan kerjasama dengan ACO untuk menawarkan kemudahan kad tanpa tunai dike-

nali Kash Prepaid MasterCard (Kash) kepada lebih 6.5 juta ahli Angkasa di Malaysia dan ahli koperasi gabungan ACO di rantau ASEAN.

Jamaludin berkata, perjanjian persefahaman itu akan menyaksikan Virtualflex menyediakan kemudahan tanpa tunai seperti dompet mudah alih, pembayaran kad prabayar serta transaksi atas talian yang mudah, cepat dan selamat.

"Saya yakin penggunaan Kash ini dapat menarik lebih ramai pengguna untuk menggunakan kad ini kerana ia bukan saja boleh digunakan untuk membeli makanan dan minuman malah melakukan transaksi atas talian atau tambah nilai yang cepat dan selamat.

"Antara keistimewaan kad ini adalah ia memiliki nilai prabayar (e-dompet dan kad) yang mampu menampung sehingga RM20,000," katanya.



Kami harap peruntukan dapat diserahkan terus kepada Angkasa untuk diuruskan"

**Abdul Fattah Abdullah,**  
Presiden Angkasa

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA